

Penggantian lif PA Desa Rejang secara berperingkat - DBKL

KUALA LUMPUR - Proses penggantian lif di Perumahan Awam (PA) Desa Rejang telah dimulakan secara berperingkat oleh kontraktor dilantik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL dalam satu kenyataan berkata, PA itu mempunyai 38 lif secara keseluruhan, dan 18 unit sedang diganti, sementara 14 unit daripada 20 lif berfungsi dengan baik pada masa ini.

“Ekoran kejadian lif *overshoot*

baru-baru ini, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengarahkan penutupan dua unit lif di Blok D sementara satu unit dalam pelaksanaan penggantian,” ujarnya.

DBKL menjelaskan, hasil pertemuan Datuk Bandar bersama penduduk pada Isnin mendapati kontraktor telah menghantar permohonan pemeriksaan bagi kelulusan satu lif di Blok D pada hari sama.

“Pihak JKKP dijangka menjalankan pemeriksaan dan memberikan kelulusan Permit Mesin. Angkut minggu ini setelah pemeriksaan dilaksanakan.

“DBKL ingin menegaskan bahawa keselamatan penduduk adalah keutamaan kami.

“Oleh itu, DBKL akan terus memantau dengan teliti dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak gagal mematuhi jadual kerja yang ditetapkan,” ujarnya.